

CLOMAZOL-B CREAM

Beclomethasone dipropionate/clotrimazole (0.025% w/w/1% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Clomazol-B
2. Bagaimana Clomazol-B berfungsi
3. Sebelum mengambil Clomazol-B
4. Cara menggunakan Clomazol-B
5. Semasa menggunakan Clomazol-B
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Clomazol-B
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Clomazol-B

Ia digunakan untuk merawat keradangan dan jangkitan kulat pada kaki, celah paha, bahagian kulit yang licin dan jangkitan akibat Candida.

Bagaimana Clomazol-B berfungsi

Ia mengandungi beclomethasone dipropionate, sejenis steroid untuk kegunaan luar dengan kesan anti radang. Ia sesuai digunakan dalam keadaan di mana rawatan tempatan steroid diperlukan. Ia juga mengandungi clotrimazole, sejenis antikulat yang melawan punca jangkitan kulat.

Sebelum mengambil Clomazol-B

- Bila tidak boleh mengambil

Jika ada alahan terhadap beclomethasone dipropionate, clotrimazole atau ramuan-ramuan lain Clomazol-B.

- Sebelum mula mengambil

Jangan digunakan pada kawasan luas, kulit luka atau dengan balutan luka kerana beclomethasone mungkin diserap dan menyebabkan kesan ke bahagian lain badan. Tindakbalas seperti iritasi dan kepedihan mungkin berlaku.

Keselamatan penggunaan semasa kehamilan atau menyusukan anak belum dipastikan lagi. Oleh itu, sila beritahu doktor jikalau hamil atau menyusukan anak.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Ubat ini adalah untuk kegunaan luar sahaja dan biasanya kurang kesan ke atas ubat-ubat lain. Walaupun demikian, sila beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan..

Cara menggunakan Clomazol-B

- Berapa banyak harus diambil

Sapu secukupnya pada bahagian kulit berkenaan dua kali sehari (siang dan

malam) untuk 2 minggu bagi jangkitan celah paha dan kulit yang licin dan 4 minggu untuk jangkitan kaki.

- Bila perlu diguna

Sila ikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

- Berapa lama perlu diguna

Penggunaan lebih daripada 4 minggu tidak digalakkan. Jangan gunakan untuk jangka panjang pada kanak-kanak dan muka. Perlu mengikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

- Jika terlupa mengguna

Guna sebaik sahaja teringat. Kemudian, guna seperti biasa.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Jika terlebih dos, hubungi doktor, jabatan kecemasan atau pusat racun dengan segera.

Penggunaan berlebihan krim steroid untuk jangka masa panjang mungkin akan mengakibatkan sindrom Cushing (tanda-tanda akibat paras hormon cortisol dalam badan yang tinggi, seperti berat badan bertambah, kulit menjadi nipis dan lebam, pembentukan lemak pada muka yang mengakibatkan muka menjadi bulat, lemah otot atau tulang, atau hilang minat dalam hubungan seks). Hentikan penggunaan dan cuci dengan air pada bahagian berkenaan.

Semasa menggunakan Clomazol-B

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor ubat yang sedang diambil.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat sebaik sahaja berasa lega selepas beberapa hari, sambung sehingga jangka rawatan selesai.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Jikalau hamil atau menyusukan anak, elak gunakan ubat kecuali atas arahan doktor.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Clomazol-B boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Bila digunakan pada kawasan luas atau luka dengan atau tanpa balutan mungkin menyebabkan kesan sistemik. Perhatian teliti pada bayi dan kanak-kanak kurang daripada 4 tahun kerana pertumbuhan terbantut akibat rawatan berlarutan. Jika berlaku sebarang kesan sampingan serius

atau tidak tertera dalam risalah ini, sila hubungi doktor atau ahli farmasi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan adwers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Adwers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public* → *Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Clomazol-B

- Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah 30°C. Jauhkan dari cahaya. Jauhkan dari kanak-kanak.

- Pelupusan

Dapatkan nasihat ahli farmasi cara pelupusan ubat yang ingin dibuang.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Krim warna putih.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: clotrimazole dan beclomethasone dipropionate
- Bahan tidak aktif: liquid paraffin, cetomacrogol emulsifying wax, white soft paraffin, chlorocresol, disodium edetate dan air.

- Nombor MAL:

MAL19992396AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.
1505, Lorong Perusahaan Utama 1
Taman Perindustrian Bukit Tengah
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

18/04/2017

Nombor siri

BPFK(R4/1)180417/00084